BAB VII

KESIMPULAN

Selatan Thai adalah kawasan bumi yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu dan di kenali dalam sejarah dengan panggilan Semenanjung Emas atau *Laem Thong*. Di kawasan ini terdapat beberapa negeri yang terkenal pada suatu ketika dulu seperti Tambarlingga (Nakorn Sri Tammarat), Senggora dan Patani. Memandangkan kedudukan negeri-negeri ini strategik, kerajaan Thai di setiap dinasti memberi perhatian penting dan berusaha menakluk dan menguasainya. Kerajaan Sukkothai berjaya menakluki negeri Nakkorn Sri Tammarat. Kerajaan Ayutya berjaya menakluk negeri Senggora. Manakala kerajaan Chakri atau Dinasti Bangkok berjaya menakluk negeri Patani. Dengan itu, Selatan secara keseluruhannya menjadi bumi taklukkan kerajaan Thai.

Di antara negeri-negeri jajahan yang diperintah ini, Patani adalah negeri yang paling sukar diperintah serta mendatangkan masalah kepada kerajaan Thai. Kesukaran dan masalah ini timbul kerana reaksi dan penentangan yang berterusan daripada masyarakat Islam. Penduduk Patani, majoritinya Islam. Selain itu mereka mempunyai kedudukan khas dan latarbelakang tersendiri di segi agama, bangsa dan budaya. Di samping itu, sejarah mencatatkan Patani adalah sebuah negeri Kesultanan Melayu Islam yang berdaulat lebih daripada lima abad. Oleh kerana latar belakang ini, Patani berterusan menentang usaha kerajaan Thai mengekalkan kuasa ke atasnya. Keadaan ini yang menyebabkan

berlakunya konflik politik di bumi bahagian Selatan. Krisis ini berlaku pada sepanjang pemerintahan dinasti *Chakri,* iaitu sejak Rama I sehingga Rama IX. Raja-raja *Chakri* itu masing-masing membuat polisi dan tindakan politik secara khusus terhadap negeri di bahagian Selatan itu. Tindakan yang berkesan dalam memberi perubahan politik di Selatan di lakukan oleh Raja Chulalongkorn atau Rama V. Baginda menerapkan sistem pentadbiran baru yang dinamakan *Thesaphiban*. Dengan terlaksananya sistem itu, maka kuasa Raja-raja Melayu Patani yang terdiri daripada Tujuh Negeri (Patani, Nongchik, Yaring, Saiburi, Range,Yala dan Reman) dapat dilucutkan. Walaupun sebahagian daripada Raja-raja itu cuba bangkit menentang tindakan kerajaan Thai, tetapi mereka ditangkap dan dipenjarakan. Sejak itu, negeri-negeri Melayu di Selatan dapat diperintah oleh kerajaan Bangkok secara langsung.

Sebagai reaksi terhadap perkembangan ini, sebahagian daripada Raja-raja Melayu membuat hubungan dengan kerajaan British melalui wakilnya di Tanah Melayu serta meminta campur tangan menyelesaikan ketegangan politik di Selatan. Dalam menghadapi perkembangan ini, Raja Chulalongkorn yang merasa bimbang di atas campur tangan kuasa asing bertindak segera membuat perjanjian dengan pihak British mengenai kedudukan Negeri-negeri Melayu di Sempadan Selatan. Perjanjian ditandatangani pada tahun 1909. Berkuatkuasa perjanjian itu, negeri-negeri di Selatan, yang terdiri daripada Pattani,Yala, Narathiwat dan Satun menjadi bumi taklukan kerajaan Thai. Keputusan itu mencetuskan tentangan masyarakat Islam di Selatan. Di antaranya terjadi

pertempuran bersenjata dengan pegawai keselamatan kerajaan di daerah Mayor, Pattani pada tahun 1922 . Dalam menghadapi ketegangan politik di Selatan, Raja Mongkut atau Rama VI bertindak segera mengubahkan polisi pemerintahannya ; melaksanakan polisi tolak ansur yang dikenali sebagai *Rat Prasas Nobai* (Polisi Asas Pemerintahan). Polisi itu memberi kebebasan kepada masyarakat Islam melaksanakan adat dan agama serta membatalkan peraturan yang menekan dan menjejaskan kedudukan mereka.

Politik Thai mengalami perubahan besar setelah terjadinya kudeta pada tahun 1932. Politik Thai berubah daripada monarki mutlak kepada monarki berperlembagaan. Perkembangan Politik Thai ini membawa kepada pilihan raya pada tahun 1933. Dalam pilihan raya pertama ini, masyarakat Islam di Selatan kecuali Satun, tidak menyertai dengan serius. Mereka masih merasa asing dengan politik Thai. Tindakan masyarakat Islam ini menyebabkan calon-calon Budha memenangi pilihanraya di wilayah-wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Wilayah Satun, kawasan tunggal di Selatan yang di menangi oleh calon muslim, Tui bin Abdullah (Phraya Samantarat Burin). Beliau adalah wakil rakyat muslim yang tunggal di parlimen. Walaupun begitu, Tui bin Abdullah memperjuangkan kedudukan dan kepentingan masyarakat Islam berdasarkan perlembagaan negara. Dengan kegigihan perjuangan beliau, undang-undang Islam yang pertama, *Kodmai Islam Wadoi Krobkua Lae Morodok* (Undang-undang Islam mengenai Keluarga dan Pusaka) diluluskan. Sehubungan dangan itu,jawatan kadi yang dinamakan Dato' *Yutitham* dibentuk.

Kejayaan perjuangan Tui bin Abdullah ini menyebabkan pemimpin masyarakat Islam di tiga wilayah : Pattani, Yala dan Narathiwat mengambil peranan aktif dalam pilihanraya yang berlangsung pada tahun 1937. Penyertaan yang serius ini, menyebabkan wilayah-wilayah tersebut dimenangi semua oleh calon-calon muslim. Keadaan yang sama berulang pada pilihanraya 1938. Keadaan politik Thai berubah pada akhir 1930-an. Politik Thai dikuasai oleh tentera di bawah pimpinan Jeneral Phibun Songkhram selaku Perdana Menteri. Kerajaan Phibun Songkhram melaksanakan dasar politik *Rattaniyom* (Fahaman Kebudayaan Negara). *Rattaniyom* dijadikan budaya tetap negara. Seluruh penduduk dipaksa menghayati dan melaksanakannya tanpa di kecualikan. Beberapa bilangan *Rattaniyom* bercanggah dengan adat dan agama masyarakat Islam di Selatan. Dengan itu mereka menunjukan sikap menentang politik *Rattaniyom* itu. Kerajaan Phibun Songkhram bertindak keras ke atas reaksi masyarakat selatan ini dengan melaksanakan Undang-undang Kebudayaan Negara yang dikenali sebagai *Phrarach Banyat Wattanatham Haeng Chat*. Selain itu, ditubuhkan *Sapha Wattanatham Haeng Chat* (Dewan Kebudayaan Kebangsaan). Reaksi kerajaan Thai ini mencetuskan krisis politik di Selatan. Keadaan bertambah genting lagi apabila kerajaan Phibun Songkhram mengambil tindakan membatalkan Undang-undang Keluarga Islam serta memansuhkan jawatan Dato *Yutitham*. Wakil rakyat muslim membuat bantahan di parlimen. Bahkan mereka mengutus surat rayuan langsung kepada Perdana Menteri meminta supaya tindakan kekerasan dan kezaliman ke atas masyarakat Islam dihentikan. Rayuan itu tidak mendapat layanan dan perhatian

kerajaan. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Islam Selatan kecewa dan seterusnya tidak bersedia untuk meneruskan perjuangan melalui parlimen. Perkembangan ini memberi kesan pada bentuk reaksi mereka seterusnya. Mereka tidak lagi memberi perhatian kepada politik pilihan raya. Mereka berpendapat sistem berparlimen yang di kuasai oleh tentera tidak dapat menyelesaikan masalah yang yang mereka hadapi. Sebagai reaksi seterusnya mereka tidak mengambil peranan penting dalam pilihan raya tahun 1943. Akibatnya calon-calon Budha memenangi pilihan raya di wilayah-wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Selain itu, ramai di kalangan pemimpin masyarakat Islam mengambil keputusan meninggalkan negeri ke Tanah Melayu. Di antara mereka yang mengambil keputusan tersebut ialah Tengku Abdul Jalal bin Tengku Abdul Mutalib.

Keadaan politik dan kehidupan masyarakat Islam di Selatan bertambah rumit di masa berlakunya Perang Jepun . Dalam peperangan ini, negara Thai di bawah pimpinan Phibun Songkhram menyokong Jepun dan menentang British serta Amerika . Dalam suasana ini, pemimpin Patani yang berada di Tanah Melayu seperti Tengku Mahmud Mahyuddin dan Tengku Abdul Jalal berkerjasama dengan kerajaan British menentang kerajaan Thai . Setelah perang tamat pada tahun 1945, pihak British tidak memberi sokongan dan pertolongan kepada perjuangan masyarakat Islam Patani dalam mencapai kemerdekaan. Bahkan kerajaan British berkerjasama dengan kerajaan Thai

mengagalkan perjuangan kemerdekaan Patani. Seterusnya politik di Selatan berada di dalam ketegangan.

Walau bagaimanapun, kedudukan politik di Selatan berubah apabila kerajaan Thai di kuasai oleh golongan sivil pada tahun 1945. Kerajaan Kuang Apaiwong dengan kerja sama tokoh-tokoh demokrasi Thai seperti Pridi Phanomyong dan Seni Pramoj mengambil langkah-langkah baru dalam memberi kebebasan kepada masyarakat Islam. Di antaranya ialah meluluskan Undang-undang Pentadbiran Hal-Ehwal Islam yang dinamakan *Phrarach Banyat Sasanupatham Fai Islam*. Berdasarkan undang-undang ini dibentuk Jabatan *Chularachamonteri* (Syaikhul Islam), *Kammakan Islam Haeng Pratet Thai* (Jawatankuasa Islam Pusat) dan *Kammakan Islam Pracham Changwad* (Jawatankuasa Islam Wilayah). Tindakan mengadakan undang-undang dan badan-badan Islam itu pada umumnya disambut positif oleh masyarakat Islam. Pemimpin masyarakat Islam turut mengambil peranan aktif dalam memilih ahli jawatankuasa bagi badan-badan Islam yang dibentuk itu.

Keadaan politik di Selatan kembali tegang semula apabila kerajaan tidak memenuhi tuntutan masyarakat Islam yang dibuat melalui Ahli Jawatankuasa Islam Wilayah. Di antara tuntutan yang menonjol dan popular ialah Tuntutan Tujuh Perkara yang dikemukakan oleh Haji Sulong bin Abdul Kadir, ketua Jawatankuasa Islam Wilayah Pattani. Tetapi tuntutan itu ditolak oleh kerajaan Thai. Sebagai usaha menghindar ketegangan, pertemuan dan rundingan

diadakan antara masyarakat Islam dengan pihak kerajaan. Sehubungan itu, di cadangkan Tengku Mahmud Mahyuddin sebagai wakil masyarakat Islam Patani. Dalam perkembangan ini, Haji Sulong bergerak dan bertindak mengumpul tandatangan rakyat Pattani ke atas surat wakil menyerahkan kuasa kepada Tengku Mahmud Mahyuddin untuk berunding dengan pihak kerajaan pusat di Bangkok. Ketika pungutan tandatangan dijalankan, Haji Sulong dan beberapa orang bersamanya ditangkap dan dipenjarakan di atas tuduhan sebagai pemberontak.

Tindakan kerajaan menangkap Haji Sulong menimbulkan reaksi masyarakat Islam di dalam dan di luar negeri. Di antara reaksi yang ditimbulkan oleh masyarakat Islam Patani yang berada di Tanah Melayu ialah menubuhkan persatuan perjuangan yang dinamakan Gabungan Melayu Patani Raya dan ringkasannya GAMPAR. GAMPAR memainkan peranan aktif di Tanah Melayu dan menjadi wadah perjuangan menentang politik kerajaan Thai. Walau bagaimanapun, kedudukan GAMPAR terjejas apabila kerajaan British mengambil sikap mengutamakan hubungan dengan kerajaan Thai. Kerajaan British Tanah Melayu mengadakan sekatan ke atas pemimpin utama GAMPAR.

Keadaan politik di Selatan bertambah tegang apabila Phibun Songkhram kembali berkuasa pada April 1948. Belum genap sebulan pemerintahannya, timbul reaksi masyarakat Islam secara terbuka dan berlaku pertentangan

bersenjata. Kejadian itu dikenali sebagai Perang Dusun Nyior. Sebagai usaha mengelak timbulnya tentangan secara meluas, kerajaan Phibun Songkhram mengambil tindakan segera mengubahkan polisi pemerintahannya terhadap masyarakat Islam di Selatan. Perubahan banyak di lakukan di bidang pelajaran dan diurus langsung oleh Che Abdullah Langputih, Menteri khas di Kementerian Pelajaran. Tetapi keadaan politik di tiga wilayah (Pattani, Yala dan Narathiwat) terus dalam ketegangan. Kedudukan masyarakat Islam diawasi dengan ketat. Ramai daripada pemimpin mereka ditangkap dan dibunuh. Haji Sulong yang keluar dari penjara pada tahun 1952 turut di kawali dengan ketat dan akhirnya dibunuh secara misteri pada tahun 1954.

Suasana politik bertambah tegang apabila kerajaan Sarit Thanarat melaksanakan polisi assimilasi dan integrasi secara paksa terhadap masyarakat Islam di Selatan. Pondok selaku benteng agama dan budaya mereka turut dikuasai oleh kerajaan Thai. Selain itu, dijalankan polisi membawa penduduk Budha datang bermustautin di kawasan empat wilayah Selatan (Pattani,Yala, Narathiwat dan Satun) melalui projek *Nikom Sang Ton Aeng* (membina perkampungan sendiri) dan *Chon Prathan* (penggalian taliair). Dua projek utama itu, menyebabkan jumlah penduduk Budha bertambah dengan cepat. Polisi itu dilaksanakan secara berkesan oleh kerajaan Thanom Kitikachon.

Pada sepanjang pemerintahan tentera, di bawah tiga orang Panglima Agung (Phibun Songkhram, Sarit Thanarat dan Thanam Kitikachon)

masyarakat Islam berada di dalam tekanan yang kuat. Sebagai reaksi ke atas politik kekejaman dan kekerasan itu, mereka bergerak menentang kerajaan secara tertutup. Para pemimpin politik tidak lagi memainkan peranan di parlimen. Manakala pemimpin agama tidak lagi menuntut secara terbuka sesudah Haji Sulong dibunuh. Pergerakan mereka secara umumnya menjurus ke arah menentang kerajaan Thai serta menuntut kemerdekaan penuh. Dalam usaha mencapai tujuan itu dibentuk pertubuhan perjuangan kemerdekaan, di antaranya Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani (BRN), Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP), Patani United Leberation Organization (PULO). Pertubuhan-pertubuhan tersebut masing-masing membentuk angkatan bersenjata dan di kenali dengan pasukan gerila. Sejak itu, terjadinya konflik bersenjata di antara pegawai keamanan kerajaan dengan pejuang-pejuang pembebasan.

Manakala masyarakat Islam di Selatan Atas, pada umumnya tidak mengambil langkah menentang kerajaan Thai. Gerakan yang timbul hanya menjurus di bidang keagamaan seperti Gerakan Sunah. Gerakan ini bertapak di wilayah Nakhon Sri Thammarat dan Phatlung.

Apabila kerajaan Thanom Kitikachon di jatuhkan pada Oktober 1973, keadaan politik Thai berubah. Sistem demokrasi tegak kembali. Perkembangan ini memberi kesan ke atas politik di Selatan dan sikap serta reaksi masyarakat Islam. Di bawah sistem politik demokrasi, masyarakat Islam bergerak dan

berperanan secara bebas serta terbuka. Ini dapat dilihat beberapa bentuk gerakan dan perjuangan mereka; misalnya mahasiswa menubuhkan persatuan *Klum Selatan* (kumpulan selatan). Masyarakat umum juga turut bergerak dan memainkan peranan seperti mencetuskan demonstrasi pada tahun 1975. Manakala pemimpin politik berperanan secara aktif dalam politik pilihan raya. Dalam pilihanraya 1976, semua kerusi parlimen di empat wilayah Selatan (Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun) dimenangi oleh calon muslim. Calon-calon muslim juga menang di wilayah Songkhala, Phatlung dan Krabi. Ekoran daripada kemenangan itu, seorang wakil muslim Selatan iaitu Sidik Syarif dipilih sebagai menteri kabinet. Selain itu beberapa jawatan politik dalam kerajaan diberikan kepada wakil muslim. Perkembangan ini membuktikan masyarakat Islam Selatan bersedia memilih perjuangan secara damai atau berparlimen di bawah sistem demokrasi. Namun begitu kerajaan demokrasi Thai pada kali ini tidak dapat bertahan lebih daripada setahun. Kerajaan demokrasi yang baru dibentuk pada awal tahun 1976 digulingkan pada Oktober 1976. Tentera kembali menguasai politik Thai. Pada kali ini, pihak tentera bermaharajalela dengan melakukan keganasan dan kekerasan terhadap masyarakat Islam Selatan. Beberapa orang pemimpin selatan yang sebelumnya berjuang dan berperanan secara terbuka dibunuh dan ditangkap. Keadaan politik di Selatan kembali berada di dalam ketegangan, bahkan lebih buruk daripada sebelumnya. Beberapa buah kem tentera dikenali sebagai tempat pembunuhan dan penguburan mayat orang Islam.

Sebagai reaksi terhadap politik kekerasan itu, masyarakat Islam pada umumnya kembali menyokong gerakan perjuangan pembebasan. Gerakan gerila turut aktif dengan melakukan tindakan-tindakan agresif. Konflik bersenjata terjadi secara meluas antara pegawai keamanan kerajaan dengan gerila. Selatan menjadi bumi konflik yang menakutkan. Isu masyarakat Islam di Selatan mendapat perhatian Dunia Islam

Keadaan politik di Selatan yang semakin rumit ini disedari oleh kerajaan Prem Tinnasulanonda yang mula berkuasa pada tahun 1980. Di bawah sistem Demokrasi Ala Thai, Prem Tinnasulanonda melakukan tindakan pembaharuan politik di Selatan. Di antara pembaharuan yang dijalankannya ialah : memperbaharui polisi pemerintahan, menubuhkan badan pentadbiran khusus, melancarkan rancangan Harapan Baru dan beberapa langkah baru di bidang pendidikan serta ekonomi. Pembaharuan ini diteruskan oleh kerajaan Chatichai Chunhawan, kerajaan Anant Panyarachun, kerajaan Suchinda Kraprayun dan kerajaan Chuan Leekpai. Dengan ini, dapat dikatakan bahawa jangkamasa 1980-1994 adalah zaman pembaharuan politik di Selatan secara berterusan.

Pembaharuan politik Thai di Selatan itu memberi kesan penting ke atas sikap dan reaksi masyarakat Islam. Pada umumnya mereka menyambut secara positif. Ini dapat dilihat pada tindakbalas mereka terhadap pembaruan itu. Di antaranya ialah menyertai secara aktif dalam politik pilihan raya dengan menubuhkan kumpulan politik sebagai wadah perjuangan berparlimen. Dalam

pilihan raya 1992 , calon-calon muslim memenangi semua kerusi parlimen di empat wilayah Selatan. Kemenangan itu menyebabkan mereka dapat menduduki jawatan-jawatan penting dalam kabinet kerajaan seperti Timbalan Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri Luar Negeri dan Timbalan Speaker Parlimen. Manakala masyarakat umum pula turut bergerak dan menentang polisi serta tindakan kerajaan secara terbuka seperti melakukan demontrasi. Selain itu, terdapat pula peranan pertubuhan Islam di pelbagai bidang seperti Dakwah, Pendidikan, Ekonomi dan Kebajikan. Pertubuhan ini memainkan peranan secara aktif dan bersifat terbuka. Badan-badan Islam di luar negeri juga turut memberi dokongan langsung terhadap masyarakat Islam di Selatan. Manakala badan perjuangan pembebasan turut mengambil strategi baru dalam perjuangan menghadapi kerajaan Thai. Di antara strategi baru itu ialah membuat rundingan dengan pihak berkenaan Thai dalam rangka menyelesaikan masalah politik di Selatan dengan cara damai. Keadaan ini memberi kesan penting pada perkembangan politik di Selatan.